

## Membentuk Keperibadian Islam dalam Pekerjaan

Mohammad Ghozali<sup>\*1</sup>, Imam Kamaluddin<sup>2</sup>, Iman Nur Hidayat<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Fakultas Syariah dan Pasca Sarjana prodi Hukum Ekonomi Syariah  
Universitas Darussalam Gontor, INDONESIA

<sup>3</sup>Fakultas Syariah, Universitas Darussalam Gontor, INDONESIA

\*mohammadghozali@unida.gontor.ac.id

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.01.023>

Received 26 May 2021; Accepted 8 June 2021; Available online 25 June 2021

**Abstrak:** Perbincangan tentang keperibadian Islam, pemahaman dan pembentukan keperibadian Islam. selanjutnya memperbincangkan pola fikir terhadap *al-din al-Islam* sebagai roh dalam pekerjaan, pola sikap (perilaku) yang dipengaruhi pengetahuan mengenai syariah Islam. Dalam membincangkan tentang keperibadian, terlebih dahulu perlu difahami ada dua konsep keperibadian iaitu personaliti secara umum dan keperibadian Islam. Allah memberi manusia dengan akal. Akal inilah yang telah mengangkat kedudukan manusia dan menjadikannya makhluk yang paling utama Cara berfikir dan perilaku seseorang membuktikan jenis keperibadian yang diekspresikan melalui perbuatannya. Cara berfikir ditentukan oleh maklumat yang diperolehi, sedang perilaku seseorang ditentukan oleh sesuatu idea yang mereka fahami. Islam menuntut melakukan tindakan yang diwajibkan sebagai tindakan peribadi.

Kata Kunci: Keperibadian Islam, *aqliyah*, *Nafsiyah*

**Abstract:** Discussion of Islamic personality, understanding and formation of Islamic personality. Further discusses the pattern of thought towards *al-din al-Islam* as a spirit in work, the pattern of attitude (behavior) that is influenced by knowledge of Islamic sharia. In discussing personality, it must first be understood that there are two concepts of personality, personality and Islamic personality. God endowed man with reason. It is the intellect that has elevated the position of man and made him the supreme being The way a person thinks and behaves proves the kind of personality expressed through his deeds. The way of thinking is determined by the information got, while a person's behavior is determined by an idea they understand. Islam demands performing obligatory actions as personal actions.

Keywords: Islamic personality, *aqliyah*, *Nafsiyah*

## 1. Personaliti

Personaliti merupakan satu perkataan yang sering digunakan apabila menggambarkan diri sendiri dan orang lain. Personaliti berasal daripada perkataan Latin iaitu persona, yang merujuk kepada topeng yang digunakan oleh pelakon dalam pementasan drama. Biasanya personaliti diberi definisi mengikut kecenderungan masyarakat. Sesetengah masyarakat menganggap seseorang dengan personaliti yang baik adalah seorang yang mengagumkan orang lain dengan kebolehannya bergaul dan berinteraksi dengan baik. Ada pula menganggap personaliti yang baik apabila seseorang menunjukkan tingkah laku yang bersopan santun dan bercakap dengan lemah lembut.

Teori Personaliti yang dikemukakan oleh Carl Jung, menyatakan tingkah laku manusia dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku dan juga aspirasi masa depan. Pembentukan personaliti individu bukan sahaja kesan daripada peristiwa yang berlaku semasa zaman kanak-kanak tetapi juga dipengaruhi ramalan dan aspirasi pada masa depan. Menurut pandangan Alfret Adler, personaliti itu pada dasarnya adalah kelakuan dan perasaan *inferior* yang wujud apabila individu, sama ada secara langsung ataupun tidak, membandingkan dirinya dengan orang lain dan mendapati dirinya lebih rendah. Bagi mengelak perasaan rendah diri daripada terus menghantui, asas keyakinan diri yang kukuh perlu dibina. Hanya dengan keyakinan diri yang tinggi dapat membekalkan tenaga bagi mengubah tingkah laku yang bersifat *inferior*.

Menurut pandangan Salvatore R Maddi, dalam bukunya *Personality Theories: a comparative analysis*, mengatakan bahawa Personaliti adalah satu set kestabilan kecenderungan dan sifat yang menentukan mereka, persamaan dan perbezaan dalam perilaku psikologi manusia (fikiran, perasaan, dan tindakan) yang mempunyai kesinambungan dalam masa dan yang mungkin tidak mudah difahami sebagai hasil tunggal dari cabaran sosial dan biologi. Menurut Yong Gan Chok, personaliti merupakan ciri-ciri yang mensifatkan seseorang individu dan membezakannya daripada individu yang lain. Personaliti merangkumi gaya hidup, kepercayaan harapan, nilai, motif, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang. Menurut pandangan Jerry M. Burger, personaliti ditakrifkan sebagai corak tingkah laku yang konsisten yang berasal dalam individu.

Berdasarkan takrifan personaliti di atas menggambarkan bahawa personaliti merupakan corak daripada tingkah laku manusia yang berasal dalam diri individu. Pelbagai tingkah laku yang terjadi pada manusia berasal daripada manusia itu sendiri, sehingga yang menjadikan ukuran adalah diri individu sendiri dalam setiap tingkah laku yang diperbuat oleh manusia.

Secara umum, para pengkaji bersepakat mengatakan bahawa personaliti merupakan ciri-ciri yang dinamik dan tersusun dimiliki oleh seseorang yang secara unik mempengaruhi kognitif, motivasi dan tingkah lakunya dalam pelbagai situasi. Ia juga boleh dianggap sebagai pembinaan psikologi dengan melibatkan latar belakang genetik (kecuali kepada kembar seiras) yang unik, sejarah pembelajaran dan cara faktor-faktor ini mempengaruhi respon terhadap persekitaran. Oleh kerana itu, ramai pengkaji berpendapat kajian personaliti merupakan analisis saintifik ke atas perbezaan individu yang melibatkan aspek kenapa dan bagaimana manusia bertindak secara unik dan kreatif terhadap perubahan persekitaran.

Walaupun bagaimanapun, definisi personaliti mengikut keadaan sosial adalah kurang tepat, ada dua aspek alasan. Pertama, ia membataskan jumlah dan jenis tingkah laku orang boleh dianggap sebagai aspek personaliti. Kedua, ia membawa implikasi yang tidak munasabah dimana sesetengah individu yang jelas memiliki ciri-ciri semula jadi yang unik mungkin dianggap tidak mempunyai personaliti.

Jadi berdasarkan perbincangan di atas, Barat dalam memandang personaliti berbeza-beza, tidak ada suatu standard yang pasti, sehingga mereka memahami personaliti seperti:

1. Gambaran bahawa personaliti merupakan corak daripada tingkah laku manusia yang berasal dalam diri individu, sehingga yang menjadikan ukuran adalah diri individu sendiri dalam setiap tingkah laku yang diperbuat oleh manusia.

2. Mengikut kecenderungan masyarakat. Sesetengah masyarakat menganggap seseorang dengan personaliti yang baik adalah seorang yang mengagumkan orang lain dengan kebolehannya bergaul dan berinteraksi dengan baik.
3. Manusia mengikuti pengaruh peristiwa-peristiwa yang berlaku dan juga aspirasi masa depan.
4. Merupakan ciri-ciri yang dinamik dan tersusun dimiliki oleh seseorang yang secara unik mempengaruhi kognitif, motivasi dan tingkah lakunya dalam pelbagai situasi.
5. Merupakan ciri-ciri yang mensifatkan seseorang individu dan membezakannya daripada individu yang lain. Personaliti merangkumi gaya hidup, kepercayaan harapan, nilai, motif, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang.

Personaliti menurut perspektif Barat sering berubah, sehingga tidak menjamin suatu kepastian standard. Inilah kelemahan konsep personaliti barat. Sebagaimana dikatakan oleh Mohd. Kamal Hassan seperti berikut:

Jelaslah bahawa kelemahan yang paling asas dalam kajian Barat ialah tidak kukuhnya akhlak atau rapuhnya kesedaran moral di bawah tekanan faktor-faktor keduniaan dan kepentingan kebendaan semata-mata.

Oleh kerana itu, personaliti dalam Islam dimaksudkan sebagai keperibadian (*syakhsiyah*). Keperibadian dalam Islam memiliki standard yang pasti dan sempurna agar manusia memiliki darjah yang mulia dalam hubungan dengan Allah dan juga hubungan sesama manusia.

## 2. Keperibadian Islam

Perkataan keperibadian atau dalam bahasa Arab disebut *al-syakhsiyah*, berasal daripada kata *syakhsun*. Ia memberi maksud orang, seseorang, atau peribadi. Keperibadian juga merujuk kepada jati diri seseorang (*haqiqah al-syakhs*).

Menurut Taqiy al-Din al-Nabhani, dalam kitabnya berjudul *al-Syakhsiyah al-Islamiyyah*:

ان الا سلام يكون الشخصية الا سلامية بالعقيدة الا سلامية، فيها تكون عن عقليته وبها نفسها تكون عن نفسيته، ومن هذا يتبيّن ان العقلية الا سلامية هي التي تفكّر على اساس الا سلام ، اي تجعل الا سلام وحدة المقيا س العالم للفكار عن الحياة ، وليس هي فقد فقط العقلية العالمه او المكرة. بل مجرد جعل الا نسان الا سلام مقيا سا لجميع الافكار عمليا و واقعيا.

Islam membentuk syakhshiyah Islam dengan akidah Islam. Dengan akidah itulah terbentuk aqliyah dan nafsiyahnya. Karena itu tampak jelas bahwa aqliyah Islam adalah berpikir berdasarkan Islam, yaitu menjadikan Islam satu-satunya tolok ukur umum terhadap seluruh pemikiran tentang kehidupan. Jadi, bukan sekedar untuk mengetahui atau untuk (kepuasan berpikir) seorang intelek. Selama seseorang menjadikan Islam sebagai tolok ukur atas seluruh pemikirannya secara praktis dan secara riil.

Terdapat pelbagai takrifan daripada keperibadian. Kewujudannya adalah sesuatu yang abstrak untuk diekspresikan. Ia hanya dapat dinilai dan dirasai melalui kesan yang ditimbulkan melalui keperibadian yang ditonjolkannya. Di sinilah bermulanya titik perbezaan dalam mentakrifkan makna “peribadi” tersebut. Terdapat anggapan yang menyatakan bahawa peribadi (keperibadian) adalah suatu sifat khas yang dimiliki oleh seseorang yang berbeza daripada orang lain.

Dengan perkembangan ilmu pengetahuan pada abad ke-18 M, percubaan dilakukan ke atas manusia, yang menyebabkan kajian tentang sifat manusia berubah akhirnya menjadi psikologi yang mengkaji tentang perilaku manusia. Pakar psikologi hari ini terus giat dalam membahaskan kajian tentang keperibadian, yang meliputi sifat seseorang, genetik dan tindakan.

Pakar falsafah Muslim abad ke-10 M cuba untuk mentakrifkan keperibadian, seperti Imam Ghazali memberi takrifan berikut:

ارتبطت الشخصية ارتباط مباشرًا بالخلق ولا يؤكد بأن الا خلق  
يتمثل في السلوك الا نساني كل هذا ذكر في الكتب المؤلفة في السلوك بالا  
ضافه إلى خصائصه المخلفة التي تبني الشخصية.

"Ia menyentuh secara langsung perihal akhlak dan mencuba mengenal pasti hasil daripada budi pekerti tersebut.

Demikian pula Muhammad al-Ghazali, seorang ulama Mesir menyatakan:

كانت الشخصية قبل ان يهد بها الاسلام استثنى العادات الجاهلية عند العرب وله  
ولما جاء الاسلام غيرها وهدابها ونسخها وازال ما يخالفها وابقا مالوا فقها فا  
صاحت هذه العادة فيما جميلة وسلو كامعترا ونا فعا. كانت عنوانية فخوا لها  
الاسلام فصارت منظمة. كانوا في العداوة والاخاء كل هذا الحال بفضل الـ  
سلام

Peribadi manusia sebelum oleh agama atau dibentuk sesuai dengan peraturan yang dimaksudkan. Bangsa Arab dahulunya adalah sekumpulan yang tidak dikenali sebelum mereka masuk Islam. Maka ketika mereka masuk ke dalam agama Allah ini, berubahlah sekumpulan itu menjadi suatu bentuk peribadi lain yang indah dan mempunyai makna yang berfaedah. Bakat-bakat mereka sebelumnya kacau, lalu diatur rapi oleh Islam, saling bertentangan lalu berdekatan dan saling bertolongan. Maka jadilah mereka orang Arab itu berkat Islam.

Cara berfikir dan perilaku seseorang membuktikan jenis keperibadian yang diekspresikan melalui perbuatannya. Cara berfikir ditentukan oleh maklumat yang diperolehi, sedang perilaku seseorang ditentukan oleh sesuatu idea yang mereka fahami. Islam telah memberikan jalan penyelesaian yang menyeluruh bagi umat Islam untuk membentuk diri mereka sendiri dengan keperibadian tertentu yang berbeza dengan orang lain (non Muslim). Perbezaan tersebut kerana asas yang dipergunakan adalah berbeza. Jadi seorang Muslim dibina atas akidah Islam sebagai asas pembinaan mentaliti sehingga bersandar dengan ajaran agama Islam.

Menurut Umar Sulaiman al-Asqar, keperibadian Islam merujuk kepada keperibadian seorang Muslim dari masa ke masa, sejak adanya para nabi-nabi dan rasul-rasul dan pengikutnya sampai sekarang. Beliau membahagikan beberapa kumpulan perbincangan keperibadian seorang Muslim iaitu, keperibadian yang lurus (benar), keperibadian yang tak ternoda, keperibadian Muslim sepanjang abad, bahagian-bahagian yang membentuk keperibadian Muslim dan ciri-ciri keperibadian Muslim.

Pada masa yang sama, Islam melayani tindakan manusia yang berpangkal daripada naluri dan keperluan alami dengan peraturan syariah yang berasal dari aqidah itu sendiri. Peraturan syariah menetapkan dalam naluri manusia dengan setiap perilaku merupakan pilihan terhadap setiap individu Muslim dalam hidup di dunia ini. Semestinya seorang Muslim menyelaraskan naluri yang bermacam secara bersama-sama tidak meninggalkan peraturan dan untuk menjadikan kepuasan pemenuhan naluri dengan cara apapun. Oleh kerana itu seharusnya seorang Muslim untuk memenuhi keperluannya dengan melihat aturan syariah mengizinkan atau tidak. Allah SWT telah menggambarkan ciri-ciri individu Muslim yang sejati sebagaimana dijelaskan melalui al-Quran, umpamanya petikan surah Al-Furqan ayat 63 -76 yang bermaksud:

“Dan hamba-hamba (Allah) al-Rahman (yang direháiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini. Dan mereka (yang direhái Allah itu ialah) orang tekun

mengerjakan Ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri. Dan juga mereka ang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, sisihkanlah azab neraka jahannam daripada kami. Sesungguhnya azab seksaNya itu adalah mengertikan. Sesungguhnya neraka jahannam itu tempat penetapan dan tempat tinggal yang amat buruk. Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu. Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya. Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat, dan ia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan. Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik. Maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi. Dan sesiapa yang bertaubat serta beramal soleh, maka sesungguhnya (dengan itu) ia bertaubat kepada Tuhannya dengan sebenar-benar taubat. Dan mereka (yang diredhai Allah) itu ialah orang-orang yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya. Dan juga mereka (yang diredhai Allah) itu ialah orang-orang yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara orang-orang yang pekak dan buta. Dan juga mereka (yang diredhai Allah) itu ialah orang-orang yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa. Mereka itu semuanya akan dibalas dengan mendapat tempat yang tinggi di syurga disebabkan kesabaran mereka, dan mereka pula akan menerima penghormatan dan ucapan Selamat di dalamnya. Mereka kekal di dalam syurga itu; amatlah eloknya syurga menjadi tempat penetapan dan tempat tinggal".

Ayat ini memaparkan ciri Muslim dan menunjukkan keperibadian Islam, iaitu hamba yang di redhai Allah seperti berikut :

1. Berjalan di bumi dengan sopan santun
2. Orang tekun mengerjakan ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri.
3. Apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil.
4. Tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah.
5. Tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak).
6. Tidak pula berzina.
7. Orang-orang yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang.
8. Orang-orang yang apabila diberi peringatan dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara orang-orang yang pekak dan buta.
9. Orang-orang yang selalu berdoa dengan memohon beroleh dari isteri-isteri dan zuriat (keturunan) perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan memohon menjadi imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.

Jadi kesimpulannya keperibadian Islam adalah setiap perilaku yang dilakukan individu Muslim dalam hidup ini, di mana naluri yang ada daripada individu Muslim secara bersama-sama disesuaikan dan tidak meninggalkan syariah Islam. Oleh kerana itu seharusnya seorang Muslim itu memenuhi keperluannya dengan melihat aturan syariah yang ditetapkan. Apabila kita sedari teori personaliti barat ada kekurangan membentuk keperibadian manusia ke arah yang sepatutnya, adalah menjadi kewajipan kita mengemukakan teori personaliti yang lebih praktikal dalam usaha melahirkan manusia yang berjaya di dunia dan akherat.

Selain cara berfikir, seseorang membuktikan jenis keperibadiannya sama ada Islam atau non Islam yang diekspresikan melalui perbuatannya. Cara berfikir ditentukan oleh maklumat Islam dimana semakin banyak mengkaji Islam, maka banyak kefahaman yang diperolehi, manakala perilaku seseorang Muslim ditentukan oleh sesuatu idea yang mereka fahami daripada ajaran Islam.

### 3. Pembentukan Keperibadian Islam

Manusia adalah makhluk yang paling utama. Keutamaan manusia ialah tiada makhluk lain diciptakan Allah dengan akal. Akal inilah yang telah mengangkat kedudukan manusia dan menjadikannya makhluk yang paling utama.

Walaupun Islam sangat memuliakan akal, tetapi tidak menyerahkan segalanya sesuatu kepada akal. Bahkan Islam membatasi ruang lingkup akal sesuai dengan kemampuannya, kerana akal terhad keupayaannya, tidak akan mungkin boleh mencapai hakikat segala sesuatu. Maka Islam memerintahkan akal agar tunduk dan melaksanakan perintah syarak walaupun belum sampai kepada hikmah dan sebab dari perintah itu. Kemaksiatan yang pertama kali dilakukan oleh makhluk adalah ketika Iblis menolak perintah Allah untuk sujud kepada Adam kerana lebih mengutamakan keinginan yang belum boleh menjangkau hikmah perintah Allah tersebut dengan membandingkan penciptaanNya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Sad ayat 76:

قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ ﴿٧٦﴾

Terjemahan: Iblis berkata, “Aku lebih baik daripadanya kerana Engkau ciptakan aku dari api, sedangkan dia Engkau ciptakan dari tanah.

Berdasarkan alasan ini, Islam melarang akal mencampuri bidang-bidang di luar jangkauannya, seperti pembicaraan tentang zat Allah, hakikat roh, dan yang seumpamanya. Allah berfirman dalam surah al-Isra` ayat 85:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوتِيتُمْ مِّنَ الْعِلْمِ إِلَّا

قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Terjemahan: Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah, Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit.

Apabila akal itu sihat, maka akal tidak akan menyelisihi syariah atau aturan yang telah ditetapkan oleh Rasul. Seperti kebiasaan *ahl al-kalam* menyebutkan bahawa bertentangan antara akal dan wahyu, maka akal mesti dimulakan. Dengan prinsip ini, mereka menolak sekian banyak nas yang *sahih*, dahulu mahupun sekarang. Syaikh al-Islam Ibn Taymiyyah rahimahullah menjelaskan:

وَمَا اعْتَرَ فِي الْعُقْلِ مَعْرُوفًا حَسَنًا أَوْ مِنْ الصُّعُوبَةِ أَنْ مَخَالَفَهُ الشَّرِيعَةِ بِلَ نَصِّ  
صَحِيحٍ مِّنَ الْكِتَابِ أَوِ السُّنْنَةِ لَا يَخَالِفُهُ الْعُقْلُ الصَّحِيحُ أَبَدًا. لَكِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ  
عَلَىٰ خَلَافَ هَذَا وَمَا أَدْرِي كَيْفَ يَخَالِفُونَهُ وَالْحَقُّ أَقْوَلُ أَنَّ مَا يَخَالِفُ النَّصِّ  
الصَّرِيقَ مِنَ الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ شَبَهَةٌ باطِلَةٌ يَحْتَهِهِ كُلُّ مَزْلِهِ عَقْلٌ.

Sesuatu yang diketahui dengan jelas oleh akal, sukar dibayangkan akan bertentangan dengan syariat sama sekali. Bahkan dalil *naqli* yang sahif sama sekali tidak akan bertentangan dengan akal yang lurus. Saya telah memperhatikan hal itu pada kebanyakan hal yang diperselisihan oleh manusia. Saya dapati, sesuatu yang menyelisihi nas yang *sahih* dan jelas adalah syubhat yang rosak dan diketahui kebatilannya dengan akal. Bahkan diketahui dengan akal, kebenaran kebalikan dari hal tersebut yang sesuai dengan syariah. Kita tahu bahawa para Rasul tidak memberikan khabar dengan sesuatu yang mustahil.

Islam memberi peluang kepada akal, sehingga akal mampu menerima, namun kadang-kadang perkhabaran sesuatu yang membuat akal terkesima. Para rasul itu tidak mengkhabarkan sesuatu yang diketahui oleh akal sebagai sesuatu yang tidak benar, namun kadang-kadang akal tidak mampu untuk menjangkaunya.

#### 4. Pola Fikir Terhadap *Al-Din Al-Islam* Sebagai Roh Dalam Pekerjaan

Setiap orang di dalam berbuat sesuatu ataupun menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi tidak terlepas daripada maklumat yang masuk pada akal fikiran seseorang. Menurut al-Taqiy al-Din al-Nabhani:

ان الا سلام يكون الشخصية الا سلامية بالعقيدة الا سلامية، فيها تكون  
عقليتها وبها نفسها تكون نفسيتها ولا دخل لشكله ولا جسمه ولا غيره لك.  
فكلا قشور. ومن السطحية ان يظن احد انها عامل من عوامل الشخصية او  
تؤثر على الشخصية. ذلك ان الا نسان يتميز بعقله، وسلوكه هو الذي يدل  
على ارتفاعه او انخفاضه. وبما ان سلوك الا نسان في الحياة انما هو  
بحسب مفاهيمه. فيكون سلوكه مرتبًا بما هي عليه ارتباطا حتميا لا ينفصل  
عنها.

Keperibadian setiap manusia terbentuk daripada ‘*aqliyah* (pola fikir) dan *nafsiyah* (pola sikap). Keperibadian tidak ada kaitannya dengan bentuk tubuh, aksesori dan sejenisnya. Semua itu hanya (penampakan) kulit luar belaka. Merupakan kedangkalan berfikir bagi orang yang mengira bahawa aksesori merupakan salah satu faktor pembentuk keperibadian atau mempengaruhi keperibadian. Manusia mempunyai keistimewaan disebabkan akalnya, dan perilaku seseorang adalah yang menunjukkan tinggi rendahnya akal seseorang, kerana perilaku seseorang di dalam kehidupan bergantung pada *mafahim* (persepsi), maka, dengan sendirinya tingkah lakunya berkaitan rapat dengan *mafahim* nya dan tidak boleh dipisahkan.

‘*Aqliyah* (pola fikir) adalah cara yang digunakan untuk memikirkan sesuatu; yakni cara mengeluarkan keputusan hukum tentang sesuatu, mengikut kaedah tertentu yang diimani dan diyakini seseorang. Ketika seseorang memikirkan sesuatu untuk mengeluarkan keputusan undang-undang terhadapnya dengan menyandar kepada aqidah Islam, maka ‘*aqliyah*-nya merupakan ‘*aqliyah al-Islamiyyah* (pola fikir Islami). Jika tidak seperti itu, maka pola fikirnya merupakan pola fikir yang lain. Sedangkan pola sikap adalah cara yang digunakan seseorang untuk memenuhi tuntutan *gharizah* (naluri) dan *hajah al-'udawiyah* (keperluan jasmani) yakni usaha memenuhi tuntutan tersebut mengikut kaedah yang diimani dan diyakininya.

Sedangkan perbuatan manusia hakikatnya merupakan bentuk pemenuhan manusia ke arah dorongan yang lahir daripada keperluan jasmani (*al-hajah al-'udawiyah*) dan naluri (*gharizah*). Tidak satupun perbuatan dilakukan untuk memenuhi kepentingan yang lain, selain untuk memenuhi keperluan jasmani dan naluri tersebut. Contohnya dalam aktiviti pekerjaan, dilakukan oleh manusia memenuhi naluri mempertahankan diri (*gharizah al-baqa*), sama dengan untuk mempertahankan diri agar tetap dapat hidup, mahupun untuk meningkatkan kualiti kehidupan secara material.

Jika keperluan naluri dan keperluan jasmani tersebut dilaksanakan dengan sempurna mengikut akidah Islam, maka *nafsiyah* (pola sikap)-nya dinamakan *al-nafsiyah al-Islamiyyah* (pola sikap Islam). Jika pemenuhan ini tidak dilakukan dengan cara seperti itu, bererti pola sikapnya merupakan pola sikap yang lain. Jika kaedah yang digunakan untuk ‘*aqliyah* (pola fikir) dan *nafsiyah* (pola sikap) seseorang adalah sama diambil dari al-Quran mahupun al-Sunnah, maka *syakhsiyah* (keperibadian)nya pasti merupakan *syakhsiyah* yang khas dan unik iaitu keperibadian Islam. Ketika seseorang menjadikan akidah Islam sebagai asas bagi pola fikir dan pola sikapnya, maka keperibadiannya merupakan *al-syakhsiyah al-Islamiyyah* (keperibadian Islam). Namun, jika tidak demikian, bererti keperibadian (*syakhsiyah*)nya adalah *syakhsiyah* yang lain.

Perlu diketahui sistem untuk membentuk *al-syakhsiyah al-Islamiyyah* (keperibadian Islam), tidak cukup hanya dengan *al-'aqliyah al-Islamiyyah* (pola fikir Islam), di mana pemiliknya boleh mengeluarkan keputusan undang-undang tentang benda dan perbuatan sesuai hukum-hukum syarak, sehingga dia mampu menggali undang-undang, mengetahui halal dan haram, memiliki kesedaran dan pemikiran yang matang, mampu menyatakan ungkapan yang kuat dan tepat, serta mampu menganalisis pelbagai perbuatan dengan betul.

Semuanya itu belum cukup, kecuali setelah *nafsiyah* (pola sikap)-nya juga menjadi *al-nafsiyah al-Islamiyyah* (pola sikap Islam), sehingga boleh memenuhi tuntutan *gharizah* (naluri) dan *hajah al-'udawiyah* (keperluan jasmani)nya dengan landasan Islam. Dia akan mengerjakan suatu aktiviti yang halal dan menjauhi yang haram. Dia berada dalam kedudukan yang memang disukai Allah dan mendekatkan diri kepada-Nya melalui apa saja yang telah difardhukan kepadanya, serta berkeinginan kuat untuk mengerjakan amalan sunnah (*nafilah*) hingga dia makin bertambah dekat dengan Allah SWT. Dia akan berhadapan dengan pelbagai kejadian dengan sikap yang benar dan tulus, memerintahkan yang *ma'ruf*, dan mencegah yang mungkar. Demikian pula persoalan mencintai dan membenci kerana Allah, dan sentiasa bekerja dengan cerminan akhlak yang baik. Sehingga tidak cukup jika *nafsiyah* (pola sikap)-nya merupakan pola sikap Islam (*al-nafsiyah al-Islamiyyah*), sementara '*aqliyah* (pola fikir)-nya tidak.

Akibatnya, beribadah kepada Allah dengan kebodohan, yang menyebabkan pelakunya akan tersesat dari jalan yang lurus. Misalnya, berpuasa pada hari yang diharamkan, sembahyang pada waktu yang dimakruhkan dan bersikap lemah terhadap orang yang melakukan kemungkaran, bukannya mengingkari dan mencegahnya. Sehingga dia akan bermuamalah dan bersedekah dengan riba, dengan anggapan mendekatkan diri kepada Allah. Dengan kata lain, dia telah melakukan kesalahan tapi menyangka telah melakukan kebajikan.

Akibatnya, dia memenuhi tuntutan naluri (*gharizah*) dan keperluan jasmani (*hajah al-'udawiyah*) tidak sesuai dengan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya Saw. Sesungguhnya *al-syakhsiyah al-Islamiyyah* ini tidak akan berjalan dengan lurus, kecuali jika '*aqliyah* orang tersebut adalah '*aqliyah al-Islamiyyah*, yang mengetahui undang-undang yang memang diperlukan, dengan sentiasa menambah ilmu-ilmu syariah sesuai dengan kemampuannya. Pada masa yang sama, *nafsiyah*-nya juga merupakan *al-nafsiyah al-Islamiyyah*, sehingga dia akan melaksanakan undang-undang syarak, bukan sekadar untuk diketahui, tetapi untuk dilaksanakan dalam segala urusannya, baik dengan Penciptanya, dengan dirinya sendiri, maupun dengan sesama, sesuai dengan cara yang memang disukai dan direhái oleh Allah swt. Jika pola fikir dan pola sikapnya telah terikat dengan Islam, bererti dia telah menjelaskan keperibadian Islam (*al-syakhsiyah al-Islamiyyah*), dan dia pun tidak pernah takut terhadap celaan orang yang mencela, semata-mata kerana Allah.

## 5. Pola Sikap (Perilaku) Yang Dipengaruhi Pengetahuan Mengenai Syariah Islam

Secara zahir manusia, kelihatan dirinya (penampilan fizikal) seperti bentuk tubuh, wajah dan pakaian, serta kelihatan juga aktiviti manusia. Oleh kerana itulah, maka ramai orang salah menilai apabila ingin menampakkan keperibadian manusia yang unik. Ada yang menganggap bahawa penampilan fizikal manusialah yang mempengaruhi keperibadiannya. Ia merupakan persepsi daripada pemahaman yang dangkal, tanpa didasari analisis ataupun hujah yang kukuh. Ini kerana, yang membezakan antara manusia satu dengan yang lain, adalah perbuatannya. Apa yang dikatakan perbuatan merupakan gambaran daripada *suluk* (tingkah laku) itulah yang akan menentukan tinggi dan rendahnya keperibadian seseorang. Sedangkan *suluk* (perbuatan) seseorang, amat ditentukan oleh kefahaman (*mafhum*). Oleh kerana itu, *suluk* (perbuatan) tersebut pastinya tidak akan terpisah daripada kefahaman (*mafhum*) seseorang. Sebagaimana definisi dari keperibadian manusia yang menunjukkan bahawa keperibadian setiap manusia terlahir dari '*aqliyah* (pola pikir) dan *nafsiyah* (pola sikap). Keperibadian tidak ada kaitannya dengan bentuk tubuh, aksesori dan sejenisnya. Semua itu hanya (penampakan) kulit luar belaka.

Islam telah memberikan penyelesaian yang menyeluruh kepada manusia dalam rangka mewujudkan keperibadian yang tertentu (*al-syakhsiyah al-mu'ayyanah*) lagi istimewa, yang berbeza dengan yang lain. Islam telah memberi penyelesaian bagi setiap persoalan manusia dalam segala aspek kehidupan dengan akidah Islam, iaitu menjadi landasan berfikir (*al-qadah al-fikriyah*) yang dibina di atasnya pemikiran-pemikiran cabang. Dan jadilah akidah Islam menjadi asas bagi pemahaman.

Demikian juga tidak cukup jika pola sikapnya merupakan pola sikap Islam (*al-nafsiyah al-Islamiyyah*), sementara pola fikirnya ('*aqliyah*) tidak. Akibatnya, boleh jadi beribadah kepada Allah dengan kebodohan, yang menyebabkan pelakunya akan tersesat dari jalan yang lurus. Misalnya, orang yang kena penyakit *ghurur* (orang yang mencampur adukkan antara ketataan dan maksiat). Dalam kitab *Ihya' ulum al-din* karya al-Ghazali, dinyatakan apabila ingin terselamatkan dari *ghurur* ada tiga perkara, iaitu akal, ilmu dan makrifat. Ketiga-tiganya merupakan hal yang tidak boleh tidak harus ada.


Umpamanya, berpuasa tanpa memiliki ilmu sehingga berpuasa pada hari yang diharamkan, tidak mengetahui waktu, sehingga sembahyang pada waktu yang dimakruhkan, dan bersikap lemah terhadap orang yang melakukan kemungkaran, bukannya mengingkari dan mencegahnya. Boleh jadi dia akan tenggelam dalam dosa. Dengan kata lain, dia telah melakukan kesalahan tapi menyangka telah melakukan kebajikan. Akibatnya, memenuhi tuntutan naluri tidak sesuai dengan perintah Allah SWT dan RasulNya SAW, kerana tidak memahami.


Hal ini seperti dikatakan oleh Muhammad Abdallah sebagai berikut :

Sesungguhnya *al-syakhsiyah al-Islamiyyah* ini tidak akan berjalan dengan lurus di atas kebenaran, kecuali jika '*aqliyah* orang tersebut adalah *al-'aqliyah al-Islamiyyah*, yang mengetahui undang-undang yang memang diperlukan, dengan sentiasa menambah ilmu-ilmu syariah sesuai dengan kemampuannya. Pada masa yang sama, *nafsiyah*-nya juga merupakan *al-nafsiyah al-Islamiyyah*, sehingga dia akan melaksanakan undang-undang syara', bukan sekadar untuk diketahui, tetapi untuk dilaksanakan dalam segala urusannya, baik dengan Penciptanya, dengan dirinya sendiri, mahupun dengan sesama, sesuai dengan cara yang memang disukai dan direhui oleh Allah SWT.

Jadi Keperibadian Islam adalah suatu jiwa yang diasaskan dengan *al-'aqliyah al-Islamiyyah* (pola fikir Islam) dan *al-nafsiyah al-Islamiyyah* (pola sikap Islami) di mana kecenderungannya adalah kepada Islam sehingga tunduk kepada pemahaman Islam (*mafhum al-Islami*) yaitu aturan-aturan Islam (*syariat al-Islam*). Dengan itu akan muncul suatu perbuatan Islami (*af'al al-Islami*). Inilah yang lazim dikenal dengan akhlak al-karimah. Sebagaimana yang digambarkan dalam rajah berikut:

Rajah 1 Pembentukan Keperibadian Islam





Diubahsuai Muhammad Husayn Abdallah, *Min Muqawwimat al-Nafsiyah al-Islamiyyah*,  
(Penerbit Dar al-Bayariq, cetakan ke-1, 1425 H/2004 M)

Seorang Muslim akan meningkatkan kefahaman Islam (*al-thaqafah al-Islamiyyah*) baik di aspek akidah/tauhid, syariah, ibadah ataupun akhlak, untuk meningkatkan pola fikirnya, dan meningkatkan ketaatannya untuk menguatkan pola sikapnya, ketika berjalan menuju puncak kemuliaan, dan teguh dalam mengharungi puncak kemuliaan, bahkan semakin tinggi, boleh menguasai kehidupan dunia dengan sesungguhnya, serta memperoleh kebahagian akhirat dengan keyakinan penuh. Darjah yang tertinggi adalah bahawa dia merupakan hamba Allah SWT, Penciptanya.

Hal ini seperti dikatakan oleh Didin Hafidhuddin:

Ajaran Islam adalah ajaran yang mendorong umatnya untuk sentiasa bekerja dan beramal. Tidak boleh seseorang muslim terkongong dalam kemalasan. Ia harus berusaha selalu produktif serta menghasil karya inovatif dan bermanfaat, baik bagi dirinya maupun orang lain.

Di dalam kajian ini, beberapa asas *al-nafsiyah al-Islamiyyah*, dikemukakan sebagai panduan kepada pekerja Muslim, supaya hatinya sentiasa dipenuhi dengan ketaqwaaan kepada Allah, kefahaman terhadap *al-din al-Islami*, anggota badannya sentiasa bergegas melaksanakan pelbagai pekerjaan yang dikerjakannya sehingga membuat diri setiap muslim suka dan benci sesuatu kerana Allah. Mereka juga sentiasa mengharapkan rahmat Allah, dan takut akan azab-Nya, bersabar sambil terus melakukan introspeksi, disertai kepatuhan penuh kepada Allah dan bertawakal kepada-Nya serta konsisten dalam memegang kebenaran.

Islam menuntut melakukan tindakan yang diwajibkan sebagai tindakan peribadi dan menuntut mengelak terhadap semua tindakan yang dilarang, iaitu *haram*. Hal ini untuk memastikan kecenderungan (*muyul*) yang mampu menghalang setiap keinginan yang tidak sesuai dengan Islam. Semua ini bertujuan untuk meningkatkan keperibadian Islam dan meletakkannya di laluan menuju puncak agung. Namun jenis keperibadian di antara orang-orang adalah berbeza-beza berdasarkan darjah dan kekuatan mereka.

Apa yang penting dalam menilai sejauhmana seseorang itu memiliki keperibadian Islami atau tidak adalah apakah dia menjadikan Islam sebagai standard untuk pemikiran mereka (pemikirannya Islam) dan kecenderungannya. Sebagaimana diperintahkan untuk beramal oleh Allah dalam al-Qur'an surah Al-Tawbah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرِى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسُتُّرُدُونَ إِلَى  
عَدِيلِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيَنْبَئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Terjemahan: Dan katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah lakukan.

Bekerja dan beramal yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah bekerja dan beramal yang merupakan hasil proses berfikir daripada kefahaman pada sesuatu yang akan dikerjakan. Sesuatu yang


diawali oleh proses berfikir akan mempunyai hasil yang sangat berwawasan dan berorientasikan jauh ke depan. Dalam proses berfikir akan mempunyai hasil yang sangat berwawasan dan berorientasikan jauh ke depan apabila kepekaan pengamatan fikiran seseorang dan kecenderungan atas dasar Islam ('aqidah), harus dijaga setiap saat dalam kehidupan bagi individu untuk tetap menjadi hal itu sebagai karakter Muslim.


Setelah pembentukan keperibadian, pekerjaan difokuskan kepada menjaga aspek mengembangkan mentaliti dan kecenderungan. Secara realiti, banyak umat Islam melakukan tindakan tidak sesuai dengan Islam dan keperibadian Islam. Kadang-kadang mereka memaparkan perilaku bertentangan dengan Islam kerana tidak memahami maklumat ajaran Islam atau mengikut hawa nafsu. Lantaran tidak memahami terhadap maklumat ajaran Islam atau mengikut hawa nafsu, maka mereka (umat Islam) meninggalkan Islam ('aqidah) baik oleh ucapan atau tindakan. Salah satunya adalah tidak melepaskan keperibadian mereka kecuali mereka tidak lagi menganggapnya sebagai asas bagi fikiran dan kecenderungan. Hal ini kerana manusia cenderung mempunyai perbezaan dalam tindakan mereka dan mereka tidak sempurna. Dalam situasi di mana aktiviti bertentangan dengan Islam ini ia membuktikan bahawa orang itu tidak mengambil Islam sebagai dasar atau asas dalam kehidupannya.

Maklumat daripada ajaran Islam membentuk jiwa manusia, yang merupakan refleksi iman ('aqidah) di dalam jiwa seseorang laksana karya seorang jurutaipl atau pengumpul huruf-huruf dicetak sesuai dengan bahan asalnya. Huruf-huruf itu tadinya berupa campuran yang bercerai-berai, tidak menunjukkan makna apa-apa, kemudian ia menjadikan sebuah tulisan yang mempunyai tujuan tertentu. Setelah itu tulisan itu menjadi sebuah buku yang boleh difahami isi kandungannya dan sasarannya. Begitu pula jiwa manusia dibentuk sesuai dengan peraturan yang dimaksudkan daripada *al-din al-Islam*. Bangsa Arab dahulunya adalah komuniti yang tidak dikenali sebelum mereka masuk Islam. Maka ketika mereka masuk ke dalam agama Allah ini, berubahlah komuniti itu menjadi suatu bentuk lain yang indah dan mempunyai makna yang berfaedah. Bakat-bakat mereka sebelum kacau, lalu diatur rapi oleh Islam. Maka jadilah mereka orang Arab itu kerana Islam.

Dengan kata lain, susunan keperibadian Islam sehingga muncul aktiviti Islami bersumber daripada keimanan iaitu iman pada Allah dan Rasul. Ia harus memperoleh maklumat segala sesuatu dari Allah dan Rasul. Sedang manusia memiliki roh, *qalb*, '*aql* dan nafsu sehingga menimbulkan keinginan, kemauan (naluri) yang akan memunculkan perilaku. Susunan keperibadian Islam ini ditunjukkan dalam rajah di bawah seperti berikut ini:

Rajah .2. Susunan Keperibadian Islam





Sumber: Diubahsuai daripada Mudhar Achmad, *Etika Dalam Islam*, (Surabaya: penerbit Al Ikhlas, tt)

## **6. Kesimpulan**

*Aqliyah* (pola fikir) adalah cara yang digunakan untuk memikirkan sesuatu; yakni cara mengeluarkan keputusan hukum tentang sesuatu, mengikut kaedah tertentu yang diimani dan diyakini seseorang. Ketika seseorang memikirkan sesuatu untuk mengeluarkan keputusan undang-undang terhadapnya dengan menyandar kepada aqidah Islam, maka ‘*aqliyah*-nya merupakan ‘*aqliyah al-Islamiyyah* (pola fikir Islami). Jika tidak seperti itu, maka pola fikirnya merupakan pola fikir yang lain. Sedangkan pola sikap adalah cara yang digunakan seseorang untuk memenuhi tuntutan *gharizah* (naluri) dan *hajah al-‘udawiyah* (keperluan jasmani) yakni usaha memenuhi tuntutan tersebut mengikut kaedah yang diimani dan diyakininya.

Secara zahir manusia, kelihatan dirinya (penampilan fizikal) seperti bentuk tubuh, wajah dan pakaian, serta kelihatan juga aktiviti manusia. Oleh kerana itulah, maka ramai oang salah menilai apabila ingin menampakkan keperibadian manusia yang unik. Ada yang menganggap bahawa penampilan fizikal manusialah yang mempengaruhi keperibadiannya. Ia merupakan persepsi daripada pemahaman yang dangkal, tanpa didasari analisis ataupun hujah yang kukuh. Ini kerana, yang membezakan antara manusia satu dengan yang lain, adalah perbuatannya. Apa yang dikatakan perbuatan merupakan gambaran daripada *suluk* (tingkah laku) itulah yang akan menentukan tinggi dan rendahnya keperibadian seseorang. Sedangkan *suluk* (perbuatan) seseorang, amat ditentukan oleh kefahaman (*mashum*). Oleh kerana itu, *suluk* (perbuatan) tersebut pastinya tidak akan terpisah daripada kefahaman (*mashum*) seseorang. Sebagaimana definisi dari keperibadian manusia yang menunjukkan bahawa keperibadian setiap manusia terlahir dari ‘*aqliyah* (pola pikir) dan *nafsiyah* (pola sikap). Keperibadian tidak ada kaitannya dengan bentuk tubuh, aksesori dan sejenisnya. Semua itu hanya (penampakan) kulit luar belaka.

Islam telah memberikan penyelesaian yang menyeluruh kepada manusia dalam rangka mewujudkan keperibadian yang tertentu (*al-syakhsiyah al-mu'ayyanah*) lagi istimewa, yang berbeza dengan yang lain. Islam telah memberi penyelesaian bagi setiap persoalan manusia dalam segala aspek kehidupan dengan akidah Islam, iaitu menjadi landasan berfikir (*al-qā'idah al-fikriyah*) yang dibina di atasnya pemikiran-pemikiran cabang. Dan jadilah akidah Islam menjadi asas bagi pemahaman.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

## Rujukan

- [1] Abdu al-Aziz Musthafa (1996). terjm. *Mahabbah Allah, Tangga Menuju Cinta Allah, Wacana Imam Ibn Qayyim al-Jauziyah*, (Surabaya: Penerbit Risalah Gusti).
- [2] Adler, A (1985). *The Neurotic Constitution: Outline of a Comparative Individualistic Psychology and Psychotherapy*, (New York: John Wiley&Sons).
- [3] Ahmad Warson Munawwir (1997). *al-Munawwir*, (Surabaya: Penerbit Pustaka Progresif).
- [4] Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammd, *Ihya' Ulum al-Din*, Juz 3
- [5] Al-Ghazali (1968). *Ma'arif al-Quds fi madarij ma'rifat al-nafs*, (Kaherah: Maktabat al-Jundi).
- [6] al-Syaykh Musthafa Abu al-'Ala (1970). *al-Qusur al-'Awwal, juz II*, (Kaherah: Maktabat al-Jundi).
- [7] Azlina Abu Bakar (2003). *Psikologi personaliti Individu*, (Shah Alam: Karisma Publications SDN BHD).
- [8] Didin Hafidhuddin (2003). *Islam Aplikatif*, (Jakarta: Penerbit Gema Insani Press).
- [9] Duane Schultz (2001). Sydney Ellen Schultz, *Theories of Personality*, (USA: wadsworth, Thomson Learning).
- [10] Hall, C.S. & Lindzey, G. (1985). *Introduction to Theories of personality*, (Canada: John Wiley & Co.).
- [11] Ibn Taymiyyah (2001). *al-Iqtida' al-Sirat} al-Mustaqim Mukhalata Ashabi al-Jahim*, (Solo: Penerbit al-Tibyan, cet. 1).
- [12] Jerry M. Burger (1986). *Personality Theory and Research*, USA California: Wadsworth Publishing Company, Belmont.
- [13] Moh. Maghfur Wahid, Moh Ramadhon (1999). *Kerangka memahami al-Islam*, Bangil Jatim: penerbit al- Izzah, cet. 4.
- [14] Mohd. Kamal Hassan (1986). *Tuntutan Profesionalisme Kini, Pendekatan Sekular dan Islam*, (Universiti Islam Antarabangsa, kertas kerja seminar kefahaman dan penghayatan Islam di Institut Pengurusan dan Pendidikan Negara (IPPN)).
- [15] Muhammad Al-Ghazali (1984). *Humum al-Da'iyyah*, (Kaherah Mesir: Dar al-Thabit).
- [16] Muhammad Al-Ghazali (1984). *al-Humum al-Da'iyyah*, (Kaherah Mesir: Dar al-Thabit).
- [17] Muhammad Husayn Abd Allah (1990). *Dirasat fi al-Fikr al-Islamiy*, (Beirut: Dar al-Bayariq cet 1).
- [18] Muhammad Husayn Abd Allah (2004). *Min Muqawwimat al-Nafsiyah al-Islamiyyah*, (Dikeluarkan oleh Dar al-Bayariq, Cetakan ke-1).
- [19] Muhammad Husain Abd Allah (1996). *Mafahim al-Islamiyyah, al-Ruh, al-Idrak, al-'Amal, al-Syakhsiyah*, (Beirut: Dar al-Bayariq, cet. 1).
- [20] Ryckman M.R (2000). *Theories of personality*, US: Wadsworth/Thomson Learning Co.
- [21] Salvatore R Maddi (1994). *Personality Theories: a comparative analysis*, (California USA: Books/Cole Publishing Company, Pasific Grove).

- [22] Shahabuddin Hashim, Dr Rohizani Yaakup (2004), *Teori Personaliti Perspektif Islam, Timur dan Barat*, (Penang Malaysia: Rhythm Industries Sdn. Bhd).
- [23] Taqiy al-Din al-Nabhani (1994). *al-Syakhsiyah al-Islamiyyah I*, (Beirut Libanon: Dar al-Ummah).
- [24] Taqiy al-Din al-Nabhani (2003). *al-Syakhsiyah al-Islamiyah*, (Beirut: Dar al-Ummah, Cet. VI.
- [25] Taqiy al-Din al-Nabhani (2003). *al-Syakhsiyah al-Islamiyyah* (Beirut: Dar al-Ummah, Cetakan VI.
- [26] Umar Sulaiman al-Asqar (1996), trjm, *Ciri-ciri Keperibadian Muslim*, (Jakarta: Penerbit Raja Grafindo Persada, cet. 2.
- [27] Umar Sulaiman al-Asyqar (1999), *Maqasid al-Mukallifin (I); al-Niyah fi al-'Ibadat*, (Jordan: Dar al-Nafais li al-Anasir wa al-Tawzi, cet. V.
- [28] Yadi Purwanto (2007). *Etika Profesi Psikologi Profetik perspektif Psikologi Islam*, (Bandung: Penerbit PT Refika Aditama).
- [29] Yong Gan Chok (2003). *Persepsi pelajar tingkatan dua dan empat terhadap ciri-ciri personaliti dan kemahiran guru bimbingan dan kaunseling di dua buah sekolah daerah petaling*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya)
- [30] Yusuf Qardawi (1996). *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. 1.